

**TEKS UCAPAN PERASMIAN YB. TIMBALAN MENTERI  
KERJA RAYA SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KURSUS  
TEKNOLOGI PENANDAAN JALAN DAN PEMBAIKAN  
TURAPAN YANG BERKESAN PADA 17 APRIL 2014  
(KHAMIS) DI PEJABAT JKR DAERAH KUBANG PASU,  
KEDAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

(SALUTASI)

Pertama-tamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini sempena Kursus Teknologi Penandaan Jalan Dan Pembaikan Turapan Yang Berkesan anjuran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Di kesempatan ini juga, marilah kita sama-sama berdoa agar Allah S.W.T memberikan kesejahteraan kepada anak-anak kapal dan penumpang pesawat MH370.

Sebagai pembuka bicara, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan kursus pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JKR Negeri Kedah dan JKR Daerah Kubang Pasu yang turut terlibat dalam menjayakan program pada hari ini. Ini juga menunjukkan contoh '*Blue Ocean Strategy*' atau kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Selain itu, komitmen tuan/puan yang hadir sebagai peserta kursus pada hari ini sangatlah wajar dipuji dan diberi tepukan yang gemuruh.

Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan saya kepada Syarikat Gammerlite Sdn Bhd yang menyediakan tenaga pengajar untuk kursus kita pada hari ini. Ternyata kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh syarikat ini dalam aspek penyelenggaraan jalan adalah wajar dikongsi bersama dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta kursus dalam memacu industri pembinaan negara. Semangat

kesepakatan sebegini seharusnya menjadi contoh terbaik kepada anda semua.

**Tuan – Tuan dan Puan – Puan,**

Seperti yang telah dimaklumkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Kerja Raya iaitu YBhg. Dato' Haji Zainudin bin Zakaria dalam ucapan aluan beliau sebentar tadi, sememangnya Kursus Teknologi Penandaan Jalan Dan Pembaikan Turapan Yang Berkesan ini mensasarkan kontraktor-kontraktor kelas F dengan objektif-objektif yang telah dinyatakan sebentar tadi. Alhamdulillah, ternyata melihat kepada komitmen tuan/puan yang hadir pada hari ini, saya percaya bahawa segala usaha Kementerian melalui PKK dan JKR ini adalah bermanfaat dan membuahkan hasil kepada para peserta kursus keseluruhannya.

Saya dimaklumkan di Negeri Kedah ini terdapat seramai 3,471 orang kontraktor dari kelas G1 ke G7 yang berdaftar dengan pihak CIDB dan perlu saya sebutkan juga, daripada jumlah tersebut seramai 1,301 orang adalah kontraktor wanita.

Untuk makluman tuan/puan, Kerajaan sememangnya komited dalam membangunkan infrastruktur dan menyediakan prasarana untuk kemudahan rakyat di seluruh negara. Ini terbukti dengan pembangunan rangkaian jalan raya yang komprehensif untuk memberikan akses ke serata kawasan di seluruh negara serta meningkatkan lagi kegiatan ekonomi setempat. Pembangunan rangkaian jalan raya ini juga meliputi pembinaan lebuh raya utama di seluruh negara bagi memberikan alternatif atau pilihan kepada pengguna jalan raya untuk menikmati keselesaan pemanduan. Sesungguhnya segala usaha yang dilakukan ini adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan dalam memastikan rakyat dapat mengecapi nikmat pembangunan negara.

**Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan juga untuk memastikan bahawa infrastruktur dan kemudahan yang dibina ini terutamanya jalan raya adalah sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan tidak membahayakan pengguna.

Justeru, Kerajaan telah memberi peruntukan sewajarnya melalui Kementerian Kerja Raya untuk menyelenggara Jalan Persekutuan di seluruh negara. Melalui program penyelenggaraan Jalan Persekutuan di negara ini, ianya telah diswastakan kepada syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan mengikut zon atau kawasan tertentu. Berdasarkan kontrak penswastaan tersebut, syarikat-syarikat konsesi yang dilantik itu perlu mematuhi piawaian prestasi kerja sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Untuk makluman tuan/puan semua, Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya telah menyediakan peruntukan sebanyak RM750 juta untuk penyelenggaraan jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2013. Bagi tahun 2014 pula, peruntukan sebanyak RM640 juta telah disediakan bagi tujuan ini. **Di negeri Kedah sahaja, sebanyak RM 23.3 juta telah diperuntukkan pada tahun 2014 bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilakukan dengan jayanya dan hasil yang diharapkan adalah jalan-**

**jalan yang berkualiti dan mampu memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya.**

**Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Kerajaan juga sememangnya mengambil maklum mengenai aduan terhadap aspek kualiti penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi terlibat. Antara aduan yang sering diterima oleh Kementerian ini ialah mengenai aspek kualiti penyelenggaraan yang kurang memuaskan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan keadaan jalan raya yang tidak memuaskan walaupun sentiasa diselenggarakan, namun Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya lebih memandang serius untuk memantau kepada kualiti semasa kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini dilaksanakan yang berpunca daripada kekurangan kemahiran dan kepakaran daripada kontraktor penyelenggaraan itu sendiri.

Selain itu, antara langkah lain untuk mempertingkatkan kualiti penyelenggaraan jalan persekutuan ialah mengaplikasikan penggunaan teknologi baru dalam penyelenggaraan jalan, yang dijangka dapat mengurangkan

kos sebanyak 30% daripada kaedah konvensional. Justeru, dengan adanya kursus-kursus sebegini besarlah harapan saya supaya kontraktor-kontraktor yang terlibat dapat menambah ilmu pengetahuan seterusnya kemahiran mereka dalam aspek penyelenggaraan jalan.

Kementerian ini turut meningkatkan aspek pemantauan kualiti kerja penyelenggaraan oleh syarikat konsesi menerusi mesyuarat bulanan dan pemeriksaan audit secara berkala. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, amaran dalam bentuk Laporan Ketidapatuhan atau NCR (*Non-Conformance Report*) dan kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan. Di samping itu, kontrak penyelenggaraan syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan akan dinilai semula setiap 5 tahun sekali sehingga kontrak penyelenggaraan mereka tamat iaitu antara tahun 2001 hingga 2016 bagi konsesi Semenanjung Malaysia manakala konsesi Sabah, Sarawak dan W.P Labuan iaitu antara tahun 2003 - 2018.

## **Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Selain daripada kursus-kursus teknikal seperti ini, Kementerian Kerja Raya melalui Pusat Khidmat Kontraktor juga telah merangka pelbagai program untuk memperkasa kontraktor Bumiputera bagi tahun 2014 ini seperti Program Kontraktor Bumiputera Berprestasi Tinggi, Program Inspektorat Taraf Bumiputera dan Program Pembangunan Kapasiti Kontraktor Bumiputera. Program-program tersebut merupakan program pembangunan kontraktor Bumiputera yang akan dan telah dilaksanakan bagi memastikan kontraktor Bumiputera sentiasa berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang meluas dalam industri pembinaan.

## **Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Sempena kursus pada hari ini juga, saya ingin menyeru kepada semua kontraktor agar sentiasa menambah luas bidang kepakaran dan kebolehan serta berani meneroka perkara baru dalam industri pembinaan. Hal ini kerana kita tidak boleh hanya terperangkap dalam ruang kepompong kita



sahaja. Untuk maju kita perlu lebih dahulu, untuk maju kita perlu serba tahu. Untuk berjaya kita perlu selalu berusaha, Untuk berjaya kita tidak boleh berputus asa. Saya amat berharap barisan kontraktor yang ada dihadapan saya ini sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi terkini. Kita perlu buktikan bahawa kontraktor bumiputera juga serba boleh dan pakar, bukan seperti yang selalu dikata orang, yang kontraktor bumiputera hanya ada lesen tapi tidak boleh buat kerja. Kita perlu sangkal dakwaan itu kerana kita perlu jadi orang yang tahu dan mampu.

### **Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Akhir kata, semoga apa yang tuan-tuan,puan-puan semua dengar dan pelajari pada hari ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya. Semoga ilmu yang diperoleh hari ini dapat digunakan dalam urusan kerja tuan-tuan dan puan-puan semua.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima

kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan kursus ini. Terimalah serangkap pantun dari saya,

**Negeri Kedah indah jelapangnya,  
Orangnya baik elok bahasa,  
Semoga berjaya kontraktor bumiputera,  
Terus gah industri Negara.**

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan Kursus Teknologi Penandaan Jalan Dan Pembaikan Turapan Yang Berkesan di JKR Daerah Kubang Pasu pada hari ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*